



SEBUT HARGA PEROLEHAN KERJA-KERJA PENYELENGARAAN DAN PEMBAIKAN PERPAIPAN TANDAS SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PEJABAT MENARA PTPTN, JALAN YAP KWAN SENG, KUALA LUMPUR

1. KENYATAAN AM / TAWARAN

- 1.1 Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB, mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), mempunyai Sijil Bumiputera (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) untuk **Sebut Harga Perolehan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembaikan Perpaipan Tandas Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Pejabat Menara PTPTN, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Sebut Harga berikut:-

Tajuk	Kategori	Kod Bidang	No. Dokumen	Tarikh Buka Sebut Harga	Tarikh Tutup Sebut Harga	Harga Dokumen Sebut Harga
Sebut Harga Perolehan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembaikan Perpaipan Tandas Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Pejabat Menara PTPTN, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur	<u>CIDB / PPK / SPKK</u>	<u>Kelas G1</u> Kategori: B & CE Pengkhususan: B24 & CE21	PTPTN/ 2017/SH37	29 November 2017 (Rabu)	07 Disember 2017 (Khamis) sebelum jam 12.00 tengah hari	RM50.00 *Dokumen Sebut Harga akan mula dijual selepas taklimat Sebut Harga

- Taklimat dan lawatan tapak berkaitan sebut harga akan diadakan pada 30 November 2017 (Khamis), jam 10.30 pagi bertempat di Dewan Besar PTPTN, Tingkat 1, Blok D Menara PTPTN, Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur. (WAJIB HADIR)

- 1.2 Taklimat berkaitan Sebut Harga adalah **WAJIB** dihadiri oleh semua penyebut harga yang berminat. Kegagalan menghadiri taklimat seperti yang ditetapkan akan menyebabkan penyebut harga tidak layak dipertimbangkan menyertai sebut harga ini.

- 1.3 Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Salinan Sijil Bumiputera (PKK), Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Salinan Sijil Pendaftaran GST (sekiranya ada) hendaklah dikemukakan semasa membeli dokumen. Sila pastikan tarikh sah laku sijil-sijil tersebut masih belum tamat.
- 1.4 Bayaran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dengan Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Bank Draf yang dibuat atas nama Ketua Eksekutif, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Bayaran ini tidak akan dikembalikan. Wakil Syarikat hendaklah membawa Surat Perwakilan Syarikat untuk pembelian dokumen Sebut Harga.
- 1.5 Dokumen Sebut Harga boleh didapati di alamat dan waktu seperti berikut;

Tempat : Bahagian Perolehan,
Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II,
No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur

Masa : 8.30 pagi hingga 5.00 petang (Isnin hingga Khamis)
8.30 pagi hingga 12.15 tengah hari (Jumaat)
2.45 petang hingga 5.00 petang (Jumaat)
- 1.6 Sebut Harga yang lewat dihantar tidak akan diterima / dilayan. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebut Harga yang dihantar.
- 1.7 Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan kerja perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.8 **Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut Harga.**
- 1.9 Pemilihan syarikat akan dibuat berdasarkan kebolehan dalam **memenuhi skop kerja dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan serta anggaran kos yang ditawarkan** oleh penyebut harga dan hanya penyebut harga yang berjaya akan dihubungi.
- 1.10 Pihak PTPTN berhak menamatkan kerja yang diberikan oleh syarikat pada bila-bila masa sekiranya :
 - a) Tidak mematuhi skop kerja;
 - b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui;
 - c) Tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.

- 1.11 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :

Bahagian Perolehan

- | | | |
|------|--------------------------------------|-------------------|
| i. | Encik Zubir bin Che Embi | Tel: 03.2193.1015 |
| ii. | Encik Muhammad Jihadullah bin Othman | Tel: 03.2193.1441 |
| iii. | Puan Rocida binti Ahmad | Tel: 03.2193.1440 |

**Bahagian Perolehan,
Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II,
No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.**